

29 SEP 2001

SENARAI PENERIMA BANTUAN KEBAJIKAN DIKEMASKINI

KUANTAN, 29 Sept (Bernama) -- Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat sedang mengemaskini senarai penerima bantuan kebajikan untuk memastikan tidak berlaku masalah penerima yang tercicir daripada menerima bantuan.

Menterinya Datuk Dr Siti Zaharah SuLaiman berkata pihaknya telah mendapatkan bantuan semua pejabat daerah, ketua-ketua kampung dan penghulu untuk proses berkenaan.

"Kita mahu senarai yang terbaru itu siap sebelum membuat agihan peruntukan tambahan yang telah diberikan kepada kementerian," katanya semasa melancarkan Gerakan Desa Wawasan dan Hari Keluarga Kampung Cherok Paloh di sini.

Kementerian berkenaan diberikan peruntukan tambahan berjumlah RM80 juta setahun yang diagihkan menerusi pakej rangsangan baru sebanyak RM4.3 bilion yang diumumkan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, Selasa lepas.

Dr Siti Zaharah berkata langkah yang diumumkan kerajaan itu merupakan usaha kerajaan untuk merangsang dan mengekalkan pertumbuhan ekonomi negara supaya tidak ada di antara penduduk negara ini yang terbiar dan hidup dalam keadaan yang susah.

-- BERNAMA

ROS MOZ